



# Buletin Cassia

BIL 1/2022 (JAN - JUN) EDARAN PERCUMA

WWW.MDKAMPAR.GOV.MY



## PENCAPAIAN 5 BINTANG



**SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) TAHUN 2022 ANJURAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**



“ PENGIKTIRAFAN SIJIL ISO 9001 : 2015 MAJLIS DAERAH KAMPAR BAGI KATEGORI KELULUSAN PELAN – PELAN CADANGAN PEMAJUAN MERANGKUMI KEBENARAN MERANCANG, PELAN PINTA UKUR, PELAN BANGUNAN, PERMIT KOREKAN JALAN, PELAN LANDSKAP DAN PELAN – PELAN LAIN BERKAITAN PEMBANGUNAN ; PINDAAN SENARAI NILAIAN ; PERLESENAN PERNIAGAAN DAN IKLAN TIDAK BERISIKO ; SEWAAN KHEMAH, PADANG DAN BANGUNAN TERMASUK DEWAN BANDARAN KAMPAR; PENGUATKUASAAN ; PENYEDIAAN DOKUMEN SAMAN ; PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN MAJLIS ; KUTIPAN SISA DOMESTIC ; PERBENDAHARAAN DAN PENTADBIRAN AM ”

“ PENSIJILAN SEMULA ISO 45001 : 2018 BAGI PENGURUSAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN PEKERJAAN ISO 45001 : 2018 OLEH NIOSH CERTIFICATION ”



# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KAMPAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Senguman*

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan keizinanNya, Buletin Cassia Bil. 1/2022 (Januari-Jun) telah dapat diterbitkan dengan jayanya. Justeru, saya mengucapkan tahniah kepada pasukan Sidang Redaksi Cassia yang bertungkus lumus menerbitkan buletin ini sebagai rujukan pencapaian, aktiviti dan perkhidmatan organisasi agar dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pembaca.


Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja Majlis Daerah Kampar yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan demi kejayaan yang telah diperoleh sepanjang setengah tahun pertama 2022. Antaranya pencapaian yang telah dicipta ialah Pengiktirafan Sijil ISO 9001 : 2015 Majlis Daerah Kampar, Pencapaian 5 Bintang dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2022 dan Pensijilan Semula ISO 45001: 2018 bagi Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan ISO 45001 : 2018.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar segala informasi yang telah dimuatkan dalam buletin ini mampu bertindak sebagai saluran komunikasi yang dapat memudahkan pembaca untuk memperolehi maklumat sekaligus menaikkan imej dan reputasi organisasi. Sekian, terima kasih.

Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

**Abdull Halim bin Saad, AMP**  
*Yang Dipertua MDKpr*

*"Terus Melangkah Ke Hadapan"*



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Tn. Abdul Halim bin Saad, AMP.

### PENASIHAT

Pn. Siti Azura binti Hj. Juki, AMP.

### KETUA EDITOR

Pn. Khumaizah binti Aziz

## WARTAWAN

- 1) TPr Muhamad Hisham bin Hashim
- 2) Rozzilla binti Mohamad Som
- 3) Mohd Salim bin Saleh
- 4) Nor Syazana binti Amrah@Omrah
- 5) Mahfuzah binti Mokhtar
- 6) Izham bin Barahim
- 7) Izham bin Ahmad
- 8) Muhamad Syarafi bin Mohd Said
- 9) Muhammad Zulhelmi bin Mohd Salji

- 10) Muhammad Muslihuddin bin Jaafar
- 11) Hamishah binti Ahamed
- 12) Hafiza binti Makri
- 13) Nurul Fahana binti Md Bakri

## MEDIA CASSIA

- 1) Mohd Syukri bin Wazirrudin
- 2) Alif Syairazi bin Mohd Sopian
- 3) Faridzul Arif bin Mohd Hashim
- 4) Mohd Hizam bin Radzuan

# PROGRAM & AKTIVITI MDKpr

## PROGRAM AKTIVITI

HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 2 TAHUN 2022



## Program Hari Bertemu Pelanggan

HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 2 TAHUN 2022

IPOH, 12 APRIL 2022 – Program Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 2 Tahun 2022 telah dijalankan dengan jayanya di Stadium Indera Mulia dan disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad, dan dihadiri oleh jabatan dan agensi kerajaan.

Kerajaan negeri termasuk jabatan dan agensi kerajaan terus komited membantu rakyat dalam menyelesaikan apa jua masalah yang dihadapi terutama yang terjejas dengan pandemik Covid-19.

Tuan Abdul bin Halim, YDP Majlis Daerah Kampar telah hadir untuk mendengar aduan daripada pihak penduduk. Hadir bersama adalah, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zulazlan Abu Hassan.



PROGRAM & AKTIVITI MDKpr  
PROGRAM AKTIVITI  
JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MDKR 2022



# AIDILFITRI MDKR 2022

Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2022 peringkat Majlis Daerah Kampar telah berlangsung dengan jayanya pada 23 Mei 2022 bertempat di Dewan Bandaran Kampar.

Acara yang bermula pada jam 2.00 petang itu telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran para jemputan yang terdiri daripada anggota MDKpr dan keluarga, Ketua-ketua Jabatan Daerah Kampar, Yang Dipertua/Setiausaha lain-lain PBT Perak dan Ahli Majlis MDKpr.

Pelbagai menu dihidangkan seperti Kuetiaw dan Mee Goreng, Lemang dan Rendang Tok, Nasi Impit dan Kuah Kacang, Aiskrim dan menu istimewa kambing golek yang menjadi menu tarikan kepada semua jemputan.

Jamuan ini dilihat dapat mengeratkan silaturahim di antara warga Jabatan setelah hampir dua tahun tidak diraikan secara besar-besaran sejak pandemik Covid-19 melanda.



# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG 2021 MAJLIS DAERAH KAMPAR



## Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang 2021 Majlis Daerah Kampar

Tarikh : 28 Februari 2021 (Isnin)  
Masa : 2.00 petang  
Tempat : Ballroom Champs Elysees,  
Bandar Agacia, Kampar

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Perkhidmatan Terpuji bagi tahun 2021 telah diraikan dalam suasana yang meriah dengan tema Arabian. Seramai 19 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 47 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji telah terpilih di kalangan kakitangan pelbagai gred dan skim perkhidmatan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima.



Majlis juga turut meraikan kakitangan yang telah memberikan sumbangan dalam penyertaan mahupun pencapaian dalam pelbagai pertandingan di peringkat negeri dan kebangsaan. Sekalung tahniah dan penghargaan diucapkan kepada semua jawatankuasa yang terlibat. Penghargaan kepada pesara dan anggota yang telah berkhidmat melebihi 30 tahun turut diraikan dalam program ini.



Khidmat bakti yang telah dicurahkan memberikan aspirasi kepada pihak Majlis mengiktiraf mereka dengan Anugerah Jasa Setia kepada 27 orang buat julung kalinya. Jutaan terima kasih diucapkan kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program tersebut.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH UTAMA CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2022



# Majlis Penyampaian Hadiah Utama Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2022

**TARIKH :** 17 Mei 2022

**TEMPAT PROGRAM/ AKTIVITI DIJALANKAN :**  
Auditorium Majlis Daerah Kampar

**PERKARA / TAJUK PROGRAM :**

Majlis Penyampaian Hadiah Utama Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2022

**SINOPSIS :**

Majlis Penyampaian Hadiah Utama Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2022 Majlis Daerah Kampar telah diadakan pada 17 Mei 2022 di Auditorium Majlis Daerah Kampar. Tuan Abdul Halim Bin Saad, AMP, Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar telah menyempurnakan Majlis tersebut dengan cabutan 22 slip cukai taksiran diiringi Puan Siti Azura Binti Haji Juki, AMP, Setiausaha Majlis Daerah Kampar. Ia turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan pihak media.

Pada tahun ini, pihak Majlis telah menawarkan 22 hadiah utama yang menarik berupa wang tunai berjumlah keseluruhan RM13,000.00 untuk dimenangi oleh pemenang yang bertuah dengan hadiah utama bernilai RM1,500.00. Ini merupakan tahun pertama pihak Majlis

menawarkan hadiah secara wang tunai. Di samping itu, 150 hadiah saguhati turut diberikan seperti wang tunai RM100, tong sampah Mobile Garbage Bin (MGB) sebanyak 40 unit dan 100 keping pas bulanan berjumlah RM60.

Pada 21 April 2022, MDKpr telah melaksanakan 172 cabutan bertuah bagi mengetahui warga Daerah Kampar yang berjaya menjadi pemenang dan pada hari ini MDKpr mengadakan cabutan khas sekali lagi sebanyak 22 cabutan bagi menentukan pemilik hadiah-hadiah utama yang ditawarkan.

Semoga sokongan padu yang berterusan dari warga Daerah Kampar kepada Majlis dengan melaksanakan tanggungjawab membuat pembayaran cukai taksiran ini akan merealisasikan hasrat Majlis Daerah Kampar untuk menjadi kawasan Perbandaran Kampar yang Progresif dan Sejahtera Menjelang Tahun 2025. Syabas dan tahniah sekali lagi diucapkan kepada semua Pemenang Hadiah Utama Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2022.



# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr MAJLIS PENYERAHAN TROFI DAN SIJIL ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU (AKH) 2021



## Majlis Penyerahan Trofi dan Sijil Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) 2021

23 FEBRUARI 2022 (RABU), 11.00 PAGI

AUDITORIUM MDKpr - Majlis berlangsung di Auditorium MDKpr pada 23 Februari 2022 susulan daripada kejayaan MDKpr memenangi tempat pertama anugerah berkenaan bagi kategori PBT di peringkat daerah. Penyampaian anugerah tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) PLAN Malaysia TPr Jasmiah binti Ismail yang turut ditemani oleh beberapa pegawai daripada agensi berkenaan.

Tambahan Anugerah Khas Ikon AKH 2021 sebagai tanda penghargaan kepada pihak MDKpr di atas komitmen dan sokongan berterusan terhadap penganjuran AKH sejak Tahun 2013. Pada majlis yang sama, turut disampaikan anugerah kepada Komuniti HELWA Surau RPT Batu Putih di atas kejayaan memenangi tempat kedua bagi Kategori Komuniti Perumahan Kampung.

Pihak Majlis Daerah Kampar diketuai oleh Tuan Yang Dipertua En Abdul Halim b Saad amat berbesar hati menerima anugerah ini dan merakamkan ucapan terima kasih di atas pengiktirafan yang diberikan.



## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr MISI BANTUAN BANJIR KILAT MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKPR) 2022



### MISI BANTUAN BANJIR KILAT MAJLIS DAERAH KAMPAR (MDKpr) 2022

28 MEI 2022 - TAMAN PUN CHUN, TAMAN MAJU JAYA  
DAN KAMPUNG POH, BIDOR.

Majlis Daerah Kampar telah menghantar seramai 28 orang petugas sukarelawan yang terdiri daripada Jabatan Kesihatan Awam, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Landskap dan Rekreasi serta Unit Perhubungan Korporat & Hal Ehwal Komuniti bagi misi bantuan banjir kilat yang terkesan di Daerah Batang Padang. Misi bantuan ini melibatkan beberapa kawasan yang dipilih. Bantuan pembersihan telah diberi di Taman Pun Chun dan Taman Maju Jaya yang diketuai oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Puan Masriza binti Lazarous manakala di Kampung Poh telah diketuai oleh Penolong Pegawai Penguatkuasa, Encik Muhamad Syarafi bin Mohd Said.

Pihak Lotus's Kampar selaku rakan strategik MDKpr juga turut memberi bantuan berbentuk barangan keperluan kepada mangsa banjir. Diharap semoga dengan bantuan dan sumbangan ini dapat meringankan beban, kesusahan dan sokongan emosi yang ditanggung oleh mangsa banjir.







## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PENYERAHAN SUMBANGAN DUIT RAYA KEPADA RUMAH ANAK YATIM DARUL HIKMAH, GOPENG



### Penyerahan Sumbangan Duit Raya kepada Rumah Anak Yatim Darul Hikmah, Gopeng

27 APRIL 2022 (RABU), 3.00 PETANG - Rumah Anak Yatim/ Miskin Darul Hikmah, Gopeng Seramai 52 orang Penghuni Rumah Anak Yatim/ Miskin Darul Hikmah, Gopeng telah menerima sumbangan duit raya. Program ini bertujuan untuk melihat sendiri kehidupan anak-anak yatim dan miskin di samping menyampaikan sedikit sumbangan sebagai ingatan dan kasih sayang daripada pihak MDKpr kepada mereka. Sumbangan duit raya ini merupakan sumbangan ikhlas daripada seluruh warga MDKpr dan Koperasi Anggota-Anggota MDKpr. Serahan ini telah disempurnakan oleh wakil pihak pengurusan, Pn. Mahfuzah binti Mokhtar, Pegawai Tadbir (Khidmat Pengurusan) bersama Yang Dipertua Badan Kebajikan MDKpr, En. Mior Ahmad Taha bin Tajri. Sekalung penghargaan kepada penyumbang dan semoga mendapat keberkatan Allah SWT.





# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PROGRAM KUALITI PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN



## Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan

Tarikh : 13 Jun 2022 (Isnin)

Tempat : Bilik Mesyuarat Cassia Biflora, MDKpr

Program : Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2022

Anjuran : Bahagian Inspektorat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menerima kunjungan 7 orang Panel Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2022 yang diketuai oleh Puan Wardiyah binti Senik @ Abdul Mokhti, Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLAN Malaysia bertempat di Bilik Mesyuarat Cassia Biflora.

Sebanyak 4 teras utama dinilai oleh Panel Penilaian pada kali ini yang merangkumi 257 indikator. Sesi Penilaian diakhiri dengan lawatan tapak di Ilham Seni@ Kampar, Dataran Niaga Bandar Baru dan Lay Park (Jalan Batu Karang).

Diharapkan agar kecemerlangan MDKpr dapat dikekalkan demi penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.





# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PROGRAM KUALITI PENSIJILAN SEMULA AUDIT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESEHATAN PEKERJAAN ISO 45001:2018



## Pensijilan Semula Audit Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001:2018

Majlis Daerah Kampar telah berjaya memperbaharui Pensijilan ISO 45001:2018 baru-baru ini. Pengauditan telah dijalankan oleh pasukan auditor yang diketuai oleh En.Wan Hisham Balkiah Bin Wan Hassan, En.Shahrul Neezam Azahar, En.Ahmad Shafiq Mohamad dari NIOSH Certification Sdn. Bhd bermula 16-17 Jun 2022.

Semakan dokumentasi pensijilan ISO dan lawatan ke lapangan telah dijalankan bagi melihat dan memastikan setiap arahan kerja yang ditetapkan sentiasa dipatuhi oleh para pekerja.

Sekalung tahniah kepada barisan AJK Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan seluruh anggota MDKpr kerana telah memberikan sepenuh komitmen sepanjang tempoh pengauditan.





# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PROGRAM KUALITI PEMERIKSAAN PREMIS UNTUK TUJUAN MENGHAPUSKAN BAHAYA KEBAKARAN



## Pemeriksaan Premis untuk Tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran

30 MAC 2022 - Pemeriksaan Premis bagi Tujuan Menghapuskan Bahaya Kebakaran di bawah Seksyen 38, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 telah dijalankan oleh anggota Bomba dari Balai Bomba & Penyelamat Daerah Kampar. Tujuan pemeriksaan ini dijalankan adalah bertujuan memeriksa bahaya kebakaran dan alat pencegahan kebakaran di bangunan pejabat Majlis Daerah Kampar. Selaras dengan kehendak yang diwajibkan dalam akta, pemeriksaan perlu dilakukan setiap 2 kali setahun oleh wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PELANCONGAN

# LAWATAN PENANDA ARAS MBPG



## Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) ke Majlis Daerah Kampar

30 MEI 2022 (ISNIN), KAFE KOPI DAUN KERING, JALAN PERDANA, TAMAN KAMPAR PERDANA - Lawatan ini bertujuan mempromosi tempat pelancongan menarik di Daerah Pasir Gudang, Johor. Konvoi motosikal berkuasa tinggi daripada MBPG yang melibatkan 37 orang peserta indiketuai oleh Tuan Haji Hamidon bin Abd Majid, Ketua Bahagian Pelancongan MBPG. Semoga lawatan penanda aras ini dapat merencakkan lagi promosi tarikan kedatangan pelancongan kepada kedua - dua belah pihak

# LAWATAN RASMI MAJLIS BANDARAYA IPOH

LAWATAN RASMI MAJLIS BANDARAYA IPOH KE MAJLIS DAERAH KAMPAR

TARIKH : 01 APRIL 2022 (JUMAAT)

TEMPAT : BILIK MESYUARAT CASSIA BIFLORA, MDKpr

PENGLIBATAN :

1. Puan Normala binti Latiff  
Pengarah Komuniti Bandaraya, Majlis Bandaraya Ipoh.
2. Puan Jamunarani A/P S.Nadarajah  
Ketua Penolong Pengarah Komuniti, Majlis Bandaraya Ipoh.
3. Cik Nur Salihah binti Nasri  
Penolong Pengarah Komuniti, Majlis Bandaraya Ipoh.
4. Pn. Khumaizah binti Aziz  
Penolong Pegawai Tadbir N29.
5. Pegawai – Pegawai Majlis Bandaraya Ipoh



PROGRAM :

Pihak Majlis telah menerima lawatan rasmi dari Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) ke Majlis Daerah Kampar pada 01 April 2022. Lawatan ini adalah bertujuan meninjau kawasan menarik di Daerah Kampar yang merupakan antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terpilih dalam Wilayah Greater Ipoh untuk dipromosi dan diketengahkan bagi menarik kedatangan pelancong dalam dan luar negara. Ladang Teh Gaharu, Gopeng dan Ilham Seni@Kampar telah dipilih sebagai tempat yang dikunjungi pada lawatankali ini.

Selain itu, lawatan ini juga dapat membantu pihak MDKpr dalam mempromosi di peringkat antarabangsa melalui Tourism Promotion Organisation of Asia Pacific Cities (TPO) yang turut disertai oleh kedua-dua PBT ini. Diharap agar kerjasama yang terjalin ini dapat menjadikan wilayah pelancongan Greater Ipoh sebagai kluster pelancongan bertahap antarabangsa yang berdaya saing, inklusif dan mampan melalui pendekatan penjenamaan destinasi (destination branding) dan kolaborasi antara PBT.



# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT KOLEJ MATRIKULASI PERAK

## Kunjungan Hormat Kolej Matrikulasi Perak ke Majlis Daerah Kampar

TARIKH : 21 APRIL 2022 (KHAMIS)

TEMPAT : BILIK MESYUARAT HIBISCUS, MDKpr

PENGLIBATAN : MAJLIS DAERAH KAMPAR

1. Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP  
Yang Dipertua MDKpr.
2. Puan Siti Azura binti Haji Juki, AMP  
Setiausaha MDKpr.
3. Encik Mohd Izham bin Ahmad  
Pegawai Tadbir Jabatan Kesihatan Awam MDKpr.
4. Encik Azma Fizal bin Mohd Ali  
Penolong Jurutera Jabatan Kejuruteraan MDKpr.
5. Pn. Khumaizah binti Aziz  
Penolong Pegawai Tadbir Unit Perhubungan  
Korporat dan Hal Ehwal Komuniti, MDKpr

### KOLEJ MATRIKULASI PERAK

1. Tuan Azman bin Mokhtar  
Pengarah Kolej Matrikulasi Perak.
2. Puan Hamizar binti Tahir  
Timbalan Pengarah Kolej Matrikulasi Perak.
3. Encik Abdul Halim bin Ismail  
Ketua Jabatan Matematik / Pegawai Penghubung,  
Kolej Matrikulasi Perak.
4. Encik Ahmad bin Awang  
Ketua Jabatan Sastera Ikhtisas Kolej Matrikulasi  
Perak.



### RINGKASAN PROGRAM :

Pihak Majlis telah menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Kolej Matrikulasi Perak bersama beberapa orang Ketua Jabatan ke Majlis Daerah Kampar pada 21 April 2022.

Lawatan ini adalah bertujuan berkongsi maklumat, bertukar pandangan dan memahami fungsi - fungsi serta skop kerja yang terdapat di dalam bidang kuasa Majlis. Diharap agar sesi kunjungan hormat ini dapat mengeratkan sillaturrahim selain dapat menjalankan kerjasama strategik di antara kedua - dua agensi kerajaan.



# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LAWATAN LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS DAERAH SUBIS



## Lawatan Penanda Aras Majlis Daerah Subis, Sarawak ke Majlis Daerah Kampar

18 Mei 2022 (Rabu), Auditorium MDKpr - Lawatan ini bertujuan berkongsi ilmu berkaitan pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau di Majlis Daerah Kampar. Delegasi Majlis Daerah Subis diketuai oleh Clr. Haji Anuar bin Haji Ahmad, Timbalan Pengerusi Majlis Daerah Subis.

Taklimat Pelaksana Kejiranan Hijau MDKpr telah disampaikan oleh TPr. Muhamad Hisham bin Hashim selaku penyelaras Kejiranan Hijau MDKpr. Seterusnya, delegasi tersebut telah dibawa melawat Komuniti HELWA Kg. Tersusun Batu Putih, Kampar ke tapak Kebun Kejiranan Hijau.

Disamping itu, bagi melengkapkan acara, delegari ini turut dibawa melawat ke tapak pelancongan Gua Tempurung.





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PERHIMPUNAN ANGGOTA PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 1/2022 MDKpr



### Perhimpunan Anggota Bil. 1/2022 MDKpr

25 JANUARI 2022 (2.30 PETANG) - DEWAN BANDARAN KAMPAR PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 1/2022 telah diadakan dengan jayanya melibatkan kehadiran pegawai dan anggota. Ucapan sempena Tahun Baharu 2022 telah disampaikan oleh Yang Dipertua, Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP. Semoga warga MDKpr mengambil pesanan dan amanat yang disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua dengan sebaiknya bagi kesejahteraan organisasi keseluruhannya serta semangat dan iltizam yang baru bagi Tahun Baharu 2022.



### RINGKASAN PROGRAM

1. Perkongsian Ilmu bertajuk Kenali Daerah Kampar telah disampaikan oleh TPr. Encik Muhamad Hisham bin Hashim, Pegawai Tadbir (Perancang).
2. Majlis Sambutan Persaraan Anggota Majlis juga turut meraikan pesara-pesara Majlis yang telah menabur jasa dan khidmat bakti melebihi 30 tahun dalam perkhidmatan. Pihak Majlis mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas curahan tenaga dan masa sepanjang perkhidmatan. Sumbangan hadiah telah disampaikan oleh Jabatan/ Bahagian/ Unit serta NGO di bawah MDKpr.
3. Penyampaian Cenderahati Hari Lahir Cenderahati hari lahir kepada pegawai dan anggota yang lahir pada bulan Januari 2022 telah disampaikan oleh Tuan Yang Dipertua. Ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan anggota yang telah hadir memeriahkan Perhimpunan Anggota Bil. 1/2022.





# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr PERHIMPUNAN ANGGOTA PERHIMPUNAN ANGGOTA BIL. 2/2022 MDKpr



## Perhimpunan Anggota Bil. 2/2022 MDKpr

29 MAC 2022 (SELASA), 2.00 PETANG, DEWAN BANDARAN KAMPAR - Perhimpunan Anggota Bil. 2/2022 telah diadakan dengan jayanya melibatkan kehadiran pegawai dan anggota.

### RINGKASAN PROGRAM

1. Taklimat Insurans Kemalangan Diri Berkelompok oleh jururunding yang dilantik oleh pihak Majlis iaitu Nytas Risk & Management.
2. Perkongsian Ilmu bertajuk produk inovasi Car Pro Line telah disampaikan oleh Pn. Rozzilla Binti Mohamad Som, Pegawai Tadbir (Jurutera).
3. Penyampaian Cenderahati Hari Lahir kepada pegawai dan anggota yang lahir pada bulan Februari dan Mac 2022 .

Ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan anggota yang telah hadir memeriahkan Perhimpunan Anggota Bil. 2/2022.





# AKTIVITI - AKTIVITI KELAB SUKAN MDKpr



## MDKPR SNOOKER DRAW & FIXTURES

**1st round**

- 1 ARASU
- 2 KHUSAIRI
- 3 AZLAN
- 4 JOE
- 5 RAVI
- 6 AIZAT
- 7 LOKMAN
- 8 QAYYUM
- 9 SABRI
- 10 HAFIZ
- 11 FIRDAUS
- 12 ASHHAR
- 13 FAIZ
- 14 ALIF
- 15 ELYAS
- 16 AZINAN

**2nd round**

- 17
- 18
- 19
- 20

**QF1**

**QF2**

**SF1**

**SF2**

**3/4**

**FINAL**

**1st round**

- 9 SANTHANA
- 10 ACHIK
- 11 IZWAN
- 12 SYAFIR
- 13 YAZID
- 14
- 15
- 16

**2 JANUARI 2022 SIXBASE ENTERTAINMENT HUB**

Aktiviti Snooker Tertutup MDKpr Pada 2 Januari 2022 di Sixbase Entertainment Hub Anjuran Kelab Sukan. Perhimpunan Anggota Bil. 2/2022 MDKpr





## MAJLIS IFTAR RAMADAN MDKpr TAHUN 2022

22 APRIL 2022 (JUMAAT) - Majlis Iftar Ramadan Tahun 2022 anjuran MDKpr bersama Badan Kebajikan MDKpr telah berlangsung pada jam 6.30 petang di Dewan Bandaran Kampar.

Clr. Ustaz Mohd Sofian bin Rejab telah diundang untuk menyampaikan tazkirah sebelum berbuka puasa bertajuk Menggapai Malam Lailatul Qadar. Solat Maghrib berjemaah juga dilaksanakan dalam mengeratkan lagi ukhuwah sesama Ahli Majlis dan anggota MDKpr. Semoga ibadah Ramadan tahun ini diterima Allah dan mendapat keberkatan serta keampunan Allah SWT.





## MAJLIS KHATAM AL QURAN MDKpr 2022

Tarikh : 25 April 2022

Masa : 2.30 petang

Tempat : Auditorium MDKpr

Majlis Khatam Al Quran MDKpr 2022 telah dianjurkan oleh pihak Majlis dengan kerjasama Badan Kebajikan MDKpr (BAKEB).

Majlis dimulai dengan tazkirah ringkas daripada Clr Ustaz Khairul Alimi bin Kamarul Hailan. Beliau seterusnya memimpin bacaan khatam Al Quran diikuti oleh peserta tadarus seramai 41 orang anggota Majlis. Semoga majlis ini memberi inspirasi kepada warga Majlis yang lain untuk terus membaca al-Quran dan sekali gus menjadikan al-Quran sebagai teman setia mereka.





## Program Memasak dan Penyerahan Bubur Lambuk sempena Ramadan 1443H peringkat MDKpr

21 APRIL 2022 (KHAMIS), PERKARANGAN TEMPAT LETAK KERETA MDKPR - Majlis Daerah Kampar (MDKpr) melalui Jabatan Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Ahli Majlis MDKpr, BAKEB MDKpr dan Kelab Sukan MDKpr telah mengadakan Program Memasak dan Penyerahan Bubur Lambuk sempena Ramadan 1443H yang berlangsung pada 21 April 2022 (Khamis) bertempat di Perkarangan Tempat Letak Kereta Anggota MDKpr. Program ini bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan memupuk nilai kerjasama di antara warga MDKpr.

Program ini bermula pada jam 8.30 pagi dan dimulai dengan proses menyediakan bahan masakan sehingga selesai. Sebanyak 920 bekas bubur lambuk yang telah siap dimasak diagihkan kepada Ahli-Ahli Majlis, warga MDKpr, jabatan sekitar Daerah Kampar dan penduduk di sekitar bangunan Pejabat Kompleks. Gimik agihan telah disempurnakan oleh Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP, Yang Dipertua MDKpr dan edaran secara percuma juga telah diberi kepada pengunjung yang hadir ke Bazar Ramadan Kampar





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21 KOMBEST



### KOMBEST

#### 'SAMPAH JADI DUIT'

Stigma sosial bahawa sampah kotor dan tidak bernilai perlu diubah kerana ia bukan saja boleh ditukar dengan wang ringgit sebaliknya mendidik masyarakat agar sentiasa menjaga kebersihan.

Program Tukar Barang Kitar Semula kepada Barang Keperluan Asas yang dijalankan sempena Program Komuniti Bersih & Sihat (KOMBEST) pada 18 Jun 2022 di Taman Sejahtera, Kampar telah berjaya mengumpul hampir 3 tan barang kitar semula. Pengunjung yang hadir berpeluang untuk menukar barang kitar semula seperti kotak, buku, surat khabar, botol plastik, barangan e-waste, minyak masak terpakai dan sebagainya dengan barang keperluan asas seperti minyak masak, kicap, sos cili, tepung, gula dan susu tin.

Kesedaran masyarakat terhadap aktiviti kitar semula masih di tahap yang rendah dan Majlis Daerah Kampar menyeru semua pihak menjadikan sampah yang bernilai untuk dikitar semula bagi menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar.





# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21 LA21@CERIA KAMPAR



## LA21 @Ceria Kampar

28 MAC 2022 ,TAMAN REKREASI KAMPAR-  
Aktiviti pengindahan dan menceriakan  
sekitar kawasan Taman Rekreasi Kampar  
yang disertai oleh Ahli-ahli Majlis serta  
kakitangan Majlis Daerah Kampar.





# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21 PERASMIAN MURAL KAMPAR ZERO WASTE



## Perasmian Mural Kampar Zero Waste

25 APRIL 2022, TEPI TANDAS AWAM KAMPAR - Majlis Perasmian Mural 'Kampar Zero Waste' di dinding Tandas Awam Kampar anjuran UTAR dgn kerjasama MDKpr berlangsung meriah baru-baru ini. Turut hadir Ir. Prof. Dr. Ng Choon Aun mewakili Presiden UTAR, Ahli Majlis En.Rafidi, ketua-ketua jabatan serta tahniah kepada mahasiswa-mahasiswi yg menjayakan projek ini. Ini merupakan khidmat sosial korporat (CSR) pihak UTAR kepada masyarakat Kampar untuk mendidik semua penduduk agar mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, polisterina & straw dalam kehidupan seharian.

#KamparZeroWaste  
#JomKitarSemula  
#ElakGunaPlastikSekaliGuna  
#Gogreen







# PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21 PROGRAM GOTONG ROYONG CEGAH DENGGI DI TAMAN SEJAHTERA



## Program Gotong Royong Cegah Denggi di Taman Sejahtera

17 APRIL 2022 - Program Gotong Royong Cegah Denggi di Taman Sejahtera telah dijalankan dengan jayanya melibatkan kerjasama dari agensi kerajaan dan wakil penduduk setempat. Rentetan berlakunya kejadian wabak denggi di lokaliti tersebut melibatkan penularan jangkitan demam denggi di kalangan penduduk Taman Sejahtera, pihak Pejabat Kesihatan Daerah Kampar telah mengatur strategi bagi menjalankan gotong royong untuk membersihkan bekas yang bertakung air dan kawasan rumah kosong dan tanah lapang di sekitar kawasan tersebut.

Majlis Daerah Kampar telah bersama-sama dalam program tersebut dengan menyediakan lori open tipper dan anggota bagi membantu aktiviti kutipan sampah haram yang dibuang di kawasan tersebut. Diharapkan kepada semua penduduk agar sentiasa memeriksa kawasan rumah masing-masing setiap 10 minit setiap minggu bagi mengelak bekas yang boleh menakung air dan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. **TIADA AEDES, TIADA DENGGI**





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21

### PROGRAM HIGH PROFILE POLICING (HPP) - PEMANTAUAN BERSEPADU PEMATUHAN SOP COVID-19 DI BAZAR RAMADAN KAMPAR



### PROGRAM PENYERAHAN APRON ,TOPI SERTA EDARAN BEG BIODEGRADASI DI BAZAR RAMADAN GOPENG KUALA DIPANG





## PROGRAM DAN AKTIVITI MDKpr LOCAL AGENDA 21

### PROGRAM PENYERAHAN APRON ,TOPI SERTA EDARAN BEG BIODEGRADASI DI BAZAR RAMADAN GOPENG KUALA DIPANG



### PROGRAM PENYERAHAN APRON , TOPI SERTA EDARAN BEG BIODEGRADASI DI BAZAR RAMADAN KAMPAR MALIM NAWAR



# PROGRAM & AKTIVITI MDKpr KURSUS

CERAMAH PEMAKANAN SIHAT UNTUK KESIHATAN



## Ceramah Pemakanan Sihat untuk Kesihatan

Ceramah Pemakanan Sihat untuk Kesihatan

Tarikh : 22 April 2022 (Jumaat)

Masa : 9.30 pagi - 11.00 pagi

Tempat : Auditorium MDKpr

Penceramah : Pn. Siti Zulaikha Binti Mazlan, Pejabat Kesihatan Daerah Kampar

TUJUAN CERAMAH :

Menanam kesedaran mengenai amalan gaya hidup sihat dan menambahkan pengetahuan mengenai cara pemakanan yang betul serta mengekalkan berat badan yang ideal.

Diharapkan ilmu yang disampaikan oleh penceramah dapat digunakan untuk manfaat peserta





# PROGRAM & AKTIVITI MDKpr KURSUS

KURSUS ERGONOMIK DI TEMPAT KERJA DAN PENGENDALIAN MANUAL



## KURSUS ERGONOMIK DI TEMPAT KERJA DAN PENGENDALIAN MANUAL

Kursus Ergonomik di Tempat Kerja  
dan Pengendalian Manual

Tarikh : 27 April 2022 (Rabu)

Masa : 9.00 pagi

Tempat : Auditorium MDKpr

Penceramah :

En. Muhammad Azarul Ashraf bin Abdul Jalil

Kursus telah disampaikan oleh pegawai daripada Hospital Kampar, En. Muhammad Azarul Ashraf, Terapi Pekerjaan. Seramai 51 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada anggota di pejabat dan anggota di lapangan.

Tujuan kursus adalah bagi memahami definisi ergonomik, mengenal pasti faktor risiko ergonomik di tempat kerja dan mengenal pasti faktor risiko yang boleh mendatangkan gangguan kepada rangka dan otot.

Diharapkan para peserta mendapat manfaat atas ilmu yang telah disampaikan dan menjadikan amalan dalam pekerjaan dan kehidupan seharian.





## **Kursus Pelan Tindakan Pemantauan dan Kawalan Tikus di PBT**

Kursus Pelan Tindakan Pemantauan dan Kawalan Tikus di PBT bagi Zon Utara dan Negeri Kelantan telah berlangsung baru-baru dari 16 - 17 Februari 2022 di Majlis Daerah Kampar.

Seramai 28 orang peserta yang mewakili PBT dari zon utara dan Kelantan telah hadir dalam kursus ini. Objektif utama kursus 2 hari ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman yang lebih jelas tentang Pelan Tindakan Pemantauan dan Kawalan Tikus di PBT dan mendapatkan maklumat dan permasalahan yang dihadapi di setiap PBT.

Majlis penutup kursus telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kampar Tuan Abdul Halim bin Saad, AMP dan turut dihadiri Tn Hj Che Saipolliza Bin Hj Deraman, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran  
Jabatan Kerajaan  
Puan Siti Azura bte. Haji Juki, AMP Setiausaha MDKpr



# PROGRAM & AKTIVITI MDKpr

## KURSUS

### KURSUS PENGURUSAN STOR BAHAN KIMIA PERALATAN



## *Kursus Pengurusan Stor Bahan Kimia Peralatan*

Kursus Pengurusan Stor Bahan Kimia/ Peralatan

Tarikh : 30 Mei 2022 (Isnin)

Masa : 2.30 petang

Tempat : Auditorium MDKpr

Penceramah : Dr. Muhammad Zakuan bin Abdul Jalil, Hospital Batu Gajah  
Kursus telah disampaikan oleh pegawai daripada Hospital Batu Gajah,  
Dr. Muhammad Zakuan bin Abdul Jalil. Seramai 21 orang peserta telah  
hadir yang terdiri daripada anggota di pejabat dan lapangan.

Tujuan kursus adalah bagi memahami risiko bahan kimia terhadap  
kesihatan, berkongsi kaedah pengendalian, penggunaan, penyimpanan  
dan pelupusan bahan kimia serta memahami undang-undang dan prosedur  
berkaitan bahan kimia. Diharapkan para peserta mendapat manfaat atas  
ilmu yang telah disampaikan dan mempraktikkan ilmu  
yang dipelajari semasa bekerja.








# ~ LOGO INISIATIF KEJIRANAN HIJAU ~

Majlis Daerah Kampar

## SIMBOLIK KEPADA WARNA

- BERINGAT
- BERSATU
- PEKA / KETUA
- SUBUR
- BIJAK
- SEMANGAT
- BERSIH



## VISUAL LOGO



BOTOL MINERAL



TIN SUSU



(SPROCKET) GEGANCU BASIKAL

Inisiatif  
**MDK<sub>pr</sub>7**  
KEJIRANAN HIJAU



### LOGO - INISIATIF KEJIRANAN HIJAU MDKpr

Cetusan idea yang diekstrak dengan menggunakan teknik "Gesture Drawing" daripada gabungan sebatang pokok beserta barangan yang biasa dibuang dan dikitar semula. Ditambah dengan kesinambungan warna-warna korporat telah berjaya mencipta SEBUAH LOGO yang mempamerkan KEMATANGAN dan sifat KETERBUKAAN MDKpr.

### SIMBOLIK KEPADA POKOK

Sebatang pokok - Menghijau (Tanda kehidupan sesuatu tempat) teguh, kukuh berdiri dengan akar-akar yang memasak bumi. Melindungi bagai sebuah payung yang memberi perlindungan kepada kehidupan. Bermula dari proses tumbesaran, beroksigen, berdaun, berbunga, berbuah, kembali ke sebatang kayu yang meresput dan menjadi baja.

Bersifat Kekeluargaan - Batang pokok ibarat KETUA yang berdiri teguh dan akar-akar yang pelbagai saiz memasak ke bumi ibarat kumpulan KAKITANGAN yang bekerjasama menyokong batang pokok untuk berdiri teguh.

### KENAPA POKOK MENJADI ILHAM LOGO KITAR SEMULA ?

Watak POKOK itu sendiri bersifat kitar semula bermula proses tumbesaran sehingga ia mati. Konsep inilah yang diserapkan ke dalam LOGO KITAR SEMULA MDKpr. Barangan yang terpakai dikitar akan menjadi berguna dan memberi manfaat kepada kehidupan.

WARNA-WARNA KORPORAT MDKpr digarap dan diadun bersama-sama LOGO KITAR SEMULA MDKpr serta dimantapkan lagi dengan terjemahan / simbolik bagi setiap warna.




**3 akar besar berbentuk kaki**  
Perpaduan yang kukuh hingga ke akar umbi. Tetap berdiri teguh walau digoncang. Sekiranya hanya ada 1 atau 2 kaki, ianya pasti lebih mudah bergoncang.

**Kaki pelbagai arah**  
Sentiasa bergerak menyahut wawasan.

### Tapak berwarna UNGU

Terhasil daripada campuran warna Biru dan Merah melambangkan gabungan idea yang mantap mampu menghasilkan sesuatu di luar kotak fikiran dan berjaya mencipta kejayaan yang luarbiasa. Kedudukan tapak di bawah membawa makna "Kejayaan bermula dari bawah" walau sudah berdiri teguh ia sentiasa berpijak di bumi nyata. (Sentiasa merendah diri)



MAJLIS DAERAH KAMPAR  
Unit Perhubungan Korporat & Hal Ehwal Komuniti  
Kompleks Pentadbiran Majlis Daerah Kampar  
Jalan Iskandar, 31900 Kampar  
Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05 - 467 1020 / Faks: 05 - 467 1040  
www.mdkampar.gov.my